

**MAHATHIR-BANK BUMI  
(I)**

**EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 5 PETANG - 15 JULAI, 1983**

**OLEH REJAL ARBEE DAN ABDUL RAHMAN SULAIMAN**

**KUALA LUMPUR, 15 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI AMARAN KERAJAAN TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK BERTINDAK TERHADAP SESIAPAPUN JIKA TERDAPAT PENYELEWENGAN DALAM HAL ANAK SYARIKAT BANK BUMIPUTERA DI HONG KONG, BUMIPUTERA MALAYSIA FINANCE LIMITED.**

**+KAMI PASTI AKAN BERTINDAK JIKA ADA BUKTI MENGENAINYA+, KATANYA SEBAGAI MENJAWAB SOALAN SAMA ADA TERDAPAT BUKTI MENGENAI AMALAN RASUAH.**

**BELIAU BERKATA KEUTAMAAN SEKARANG IALAH UNTUK MENEBUS KERUGIAN YANG DIALAMI OLEH SYARIKAT BERKENAAN DAN BUKAN HUKUMAN.**

**SAMBIL MENGAKUI BMF MEMBUAT KESILAPAN DENGAN MELABURKAN JUMLAH BESAR WANG DALAM SATU SEKTOR SAHAJA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MASALAH ITU TIMBUL AKIBAT KERUNTUHAN PASARAN HARTANAH DI HONG KONG.**

**+BUKAN BANK BUMIPUTERA SAHAJA YANG TERLIBAT. HAMPİR SEMUA BANK DI HONG KONG TURUT TERJEJAS+, KATANYA.**

**--LAGI 0944/AN**

**ZCZC B529**

**MAHATHIR-BANK BUMI 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)**

**BAGAIMANAPUN, BELIAU MEMBAYANGKAN BEBERAPA GOLONGAN TERTENTU SENGAJA Mencari KESALAHAN DENGAN BANK BUMIPUTERA ATAS SEBAB-SEBAB YANG HANYA MEREKA SENDIRI TAHU.**

**+OLEH KERANA KAMI BANK BUMIPUTERA, SETENGAH-SETENGAH PIHAK SUKA MENARIK PERHATIAN KEPADA KAMI. SAYA MENDAPAT TAHU HAMPİR SEMUA BANK DI HONG KONG TERJEJAS, SETENGAH-SETENGAHNYA LEBIH DARIPADA BANK BUMI+, TEGASNYA.**

**MENGENAI CADANGAN BAHAWA BANK ITU DIJADIKAN SASARAN KERANA IA MEMBERIKAN LEBIH PINJAMAN KEPADA CINA DI HONG KONG DARIPADA BUMIPUTERA DI NEGARA INI, PERDANA MENTERI BERKATA BANK TERSEBUT TELAH DISUSUN SEMULA SEJAK BELIAU MENGAMBIL ALIH KERANA BELIAU TIDAK MAHU MELIHAT PERKARA ITU BERLAKU.**

**BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA MANUSIA BILA SEKALI TERKENA, DUA KALI INGAT. +TIDAK SESIAPAPUN BERSUNGUT SEBELUM ITU. SEBELUM ITU, KITA AMAT GEMBIRA KERANA BANK BUMIPUTERA MENJADI BANK KE-200 BESAR DI DUNIA+.**

**--BERNAMA 0948/AN**